

06 MAY 1996

Parlimen-Reaksi (BN)

PEMIMPIN BN YAKIN RMK7 AKAN TERUS JAMIN PEMBANGUNAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Para pemimpin Barisan Nasional (BN) hari ini menyifatkan Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat akan terus menjamin kesinambungan pembangunan negara dalam tempoh lima tahun akan datang.

Mereka juga menyatakan rancangan pembangunan itu bukan sahaja menitikberatkan pembangunan ekonomi tetapi juga mengutamakan pembangunan sosial.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata pelaksanaan rancangan itu merupakan perkara yang paling penting untuk menentukan kejayaan RMK7 selepas ini.

Katanya, masalah kemiskinan rakyat mendapat keutamaan dalam RMK7 dan menambah kata, "kita perlu menyelesaikan masalah kemiskinan ini dalam kurun ini juga sebelum kita masuk ke era kurun ke-21, walaupun kita tahu bahawa kemiskinan merupakan satu masalah rumit yang tidak boleh diselesaikan dalam masa yang singkat."

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata banyak projek pembangunan yang besar perlu dilaksanakan oleh Kementerian itu dalam tempoh rancangan itu.

"Ini termasuklah pembinaan lebih banyak bangunan dan infrastruktur serta penyediaan lebih banyak jalan raya bagi mempercepatkan pembangunan negara," katanya.

Samy Vellu berkata Kementerian akan berusaha untuk melaksanakan program-program pembangunan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RMK7.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, keutamaan pembangunan sumber manusia dalam RMK7 merupakan satu penekanan baru yang berkait dengan tanggungjawab terhadap pembangunan pendidikan dan latihan serta perubahan dasar.

Katanya, penguatkuasaan empat akta berhubung pendidikan yang diluluskan baru-baru ini akan membuka peluang bagi rakyat mendapatkan pendidikan.

"Kementerian kini menimbang kemungkinan untuk pihak swasta menubuhkan universiti seperti Telekom dan Petronas serta termasuk daripada kerajaan dan yayasan negeri," katanya.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek berkata, RMK7 menetapkan supaya penggantungan kepada tenaga manusia dikurangkan dan sebaliknya menekankan kepada penggunaan teknologi moden dalam bidang perindustrian.

"Kita juga akan mengurangkan penggantungan kepada tenaga pekerja asing. Keadaan yang berlaku pada masa ini hanya bersifat sementara," katanya.

Katanya, latihan kemahiran perindustrian akan ditingkatkan terutamanya dalam kursus-kursus yang berkaitan.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pula berkata peruntukan dalam RMK7 itu bukan sahaja memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi tetapi juga pembangunan sosial.

Beliau gembira dengan peruntukan bagi pembangunan pengangkutan di negara ini termasuk peruntukan tinggi bagi pembangunan pelabuhan.

Ling yang juga Menteri Pengangkutan menganggap rancangan lima tahun itu sebagai "satu lagi tempoh pembangunan infrastruktur yang berterusan dan teguh dalam masa lima tahun."

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz pula gembira kerana RMK7 mengkhaskan satu bab untuk pembangunan wanita.

"Memandangkan wanita menyumbang separuh daripada tenaga pekerja di

negara ini, memang wajar satu bab khas diadakan di dalam rancangan itu khusus bagi pembangunan wanita," katanya.

Beliau juga berkata dalam usaha membolehkan lebih ramai wanita yang berhenti kerja kerana menguruskan keluarga meneruskan pekerjaan mereka, kerajaan sedang mencari jalan bagaimana golongan itu dapat bekerja di rumah tanpa perlu pergi ke tempat kerja.

Presiden Parti Liberal Demokratik (PLD) Sabah, Senator Datuk Chong Kah Kiat berkata Malaysia adalah antara sebilangan kecil negara di dunia ini yang berjaya melaksanakan rancangan lima tahun pembangunan negara.

Kejayaan melaksanakan rancangan-rancangan lima tahun itu telah meletakkan asas pembangunan negara yang kukuh untuk dinikmati oleh setiap lapisan rakyat.

"Kestabilan ekonomi hasil kejayaan rancangan-rancangan itu dan perpaduan rakyat berbilang kaum di negara menjadi pendorong kepada sokongan berterusan rakyat kepada Barisan Nasional," katanya.

Chong yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata RMK7 sekali lagi membuktikan kepada dunia kemampuan Malaysia mengatur dan melaksanakan strategi pembangunan yang seimbang dari segi kekuatan ekonomi dan sosial.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Hishamuddin Hussein yang anggota Exco Pemuda Umno pula berkata RMK7 menyediakan satu cabaran kepada generasi muda ke arah menjayakan hasrat negara untuk muncul sebagai negara maju pada tahun 2020.

Rancangan itu memberi satu garis panduan yang amat jelas kepada golongan pewaris dalam menentukan corak pembangunan serta masyarakat bagi abad ke-21, kata Hishamuddin.

Presiden Parti Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata Gerakan menyambut baik rancangan pembangunan lima tahun itu kerana ia bukan sahaja melibatkan semua aspek pembangunan fizikal dan sosial tetapi juga memberi satu cabaran kepada rakyat negara ini.

Beliau juga gembira bahawa rancangan itu banyak memberi tekanan kepada langkah-langkah mengurangkan defisit perdagangan di samping membuka jalan ke arah mempertingkatkan lagi eksport negara.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik berkata RMK7 juga memberi perhatian khusus kepada pembangunan industri pelancongan dan bidang kebudayaan.

Dalam bidang pelancongan, negara kini bukan sahaja memberi tumpuan kepada jumlah ketibaan pelancong tetapi yang paling penting berusaha untuk menarik lebih banyak pelancong yang berbelanja besar.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata seperti rancangan Malaysia lepas, rancangan pembangunan ini akan terus membawa pembangunan kepada negara termasuk Sarawak yang akan memberi tumpuan dalam sektor perladangan memandangkan negeri itu mempunyai kawasan luas yang belum dimajukan lagi.

Katanya, rancangan kerajaan untuk melahirkan lebih ramai tenaga buruh mahir menerusi latihan dapat menampung keperluan tenaga buruh khususnya dalam sektor industri balak.

Sambil mengakui Rancangan Malaysia Keenam telah membantu Sarawak mengurangkan kadar kemiskinan daripada 25 peratus kepada 19 peratus, beliau yakin RMK7 dapat terus membantu mengurangkan kemiskinan di negeri itu ke bawah kadar 10 peratus.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan, Ruhanie Ahmad berkata usaha kerajaan mengkaji semula Akta Kerja 1955 dijangka dapat membela kaum wanita khususnya dalam bidang pekerjaan.

Katanya, pada masa ini ramai wanita yang berkelayakan meninggalkan pekerjaan sebaik sahaja mereka berkahwin dan ini merugikan negara khususnya daripada segi guna tenaga mahir.

Beliau juga berkata RMK7 memberi tumpuan kepada pembangunan Teknologi

Maklumat (IT) dan ini perlu diberi perhatian kerana jika negara tidak mengambil peluang ini ia akan terus ketinggalan.

Tambahnya, rancangan kerajaan memberi tumpuan kepada sektor latihan dan latihan semula dapat melahirkan tenaga buruh mahir yang amat diperlukan negara.

-- BERNAMA  
ARA OBA.